

31 DEC 1998

Mahathir-Tentera

DR MAHATHIR PUJI SIKAP PROFESIONAL TENTERA

ALOR SETAR, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memuji pasukan keselamatan kerana menjalankan tugas secara profesional dengan tidak memihak kepada mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata tidak semua negara bernasib baik seperti Malaysia yang mempunyai pasukan keselamatan yang menjalankan tanggungjawab dengan tertib, disiplin, dan mengikut peraturan-peraturan ketenteraan.

Ada negara yang pasukan keselamatannya memihak kepada kerajaan atau pihak-pihak tertentu seperti parti politik sehingga menyebabkan pasukan keselamatan itu sukar menjalankan tanggungjawab dengan sempurna sehingga boleh menjejaskan keselamatan negara, katanya sebelum berbuka puasa dengan anggota tentera di Kem Tentera Tok Jalai di Kepala Batas dekat sini.

Beliau berkata keadaan negara akan menjadi huru-hara, pasukan keselamatan tidak akan menjadi efektif dan keadaan rakyat terancam jika pasukan keselamatan memihak kepada sesuatu pihak.

"Sekiranya keadaan begitu wujud, negara tidak akan mencapai kestabilan, tidak dapat dibangunkan dan ekonomi akan merosot," katanya.

Dr Mahathir berkata pihak-pihak tertentu seperti kuasa asing akan cuba menguasai negara apabila negara lemah.

"Kita sedar tentera asing lebih kuat daripada kita, boleh serang bahkan boleh takluk negara kita.

"Tapi kalau kita ditakluk, saya yakin tentera kita akan ambil tindakan terhadap mereka untuk membebaskan kita sama ada secara berhadapan (berperang), gerila atau cara lain," katanya.

Perdana Menteri bersyukur kerana Malaysia merupakan satu-satunya negara Islam yang tidak tunduk kepada tekanan kuasa asing.

Ini kerana Malaysia tidak meminta pertolongan atau perlindungan daripada tentera asing, katanya.

Dr MAhathir berkata Malaysia berjaya membangunkan negara dengan segala perbelanjaan dan urusan dikendalikan sendiri tanpa pengaruh atau arahan kuasa asing.

"Kita masih bebas dan ini penting bagi maruah bangsa dan agama kita," katanya.

Beliau berkata dengan adanya tentera yang berdisiplin, Malaysia boleh mempertahankan negaranya untuk berdiri tegak walaupun ada cubaan campurtangan luar dalam ekonomi dan urusan negara.

"Dengan tentera yang berdisiplin, kita boleh sama-sama bangun untuk hadapi cabaran ekonomi dan kemerdekaan negara," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Panglima 6 Briged, Brig. Jen. Sulaiman Yusuf.

Beliau berkata tahap profesionalisme dan disiplin tentera Malaysia mendapat pengiktirafan bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara.

"Bahkan ada pemimpin luar yang menyatakan bahawa mereka tidak yakin begitu selamat kalau tentera Malaysia tidak ada," katanya.

Semasa menjawab soalan pada persidangan berita kemudian, Dr Mahathir berkata Malaysia bersyukur kerana walaupun ada demonstrasi tetapi penunjuk perasaan tidak bersemangat kerana tidak ada sebab untuk menunjuk perasaan.

"Di negara lain, orang berdemonstrasi pasal tak ada makan tetapi di negara ini semuanya sihat cukup makan," katanya.

Mengulas mengenai pendaftaran Pergerakan Keadilan Sosial (Adil) beliau

berkata ia sepatutnya membuat kerja-kerja kebajikan kerana berdaftar di bawah pertubuhan sosial dan bukannya untuk menghentam dan memaki hamun orang.

Beliau berkata tahap profesionalisme dan disiplin tentera Malaysia mendapat pengiktirafan bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara.

"Bahkan ada pemimpin luar yang menyatakan bahawa mereka tidak yakin begitu selamat kalau tentera Malaysia tidak ada," katanya.

Semasa menjawab soalan pada persidangan berita kemudian, Dr Mahathir berkata Malaysia bersyukur kerana walaupun ada demonstrasi tetapi penunjuk perasaan tidak bersemangat kerana tidak ada sebab untuk menunjuk perasaan.

"Di negara lain, orang berdemonstrasi pasal tak ada makan tetapi di negara ini semuanya sihat cukup makan," katanya.

Mengulas mengenai pendaftaran Pergerakan Keadilan Sosial (Adil) pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, beliau berkata ia sepatutnya membuat kerja-kerja kebajikan kerana berdaftar di bawah pertubuhan sosial dan bukannya untuk menghentam dan memaki hamun orang.

Mengulas mengenai keputusan Mahkamah Tinggi terhadap bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, Dr Mahathir berkata Muhammad boleh aktif semula dalam politik kerana selama ini beliau cuma bercuti sahaja.

Muhammad yang juga Naib Presiden Umno dibebaskan dan didapati tidak bersalah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

"Kalau tidak salah mana boleh kita hukum dia pula. Jadi dia bolehlah aktif semula dalam politik," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi Umno akan mendengar penjelasan Muhammad mengenai keputusan mahkamah itu terlebih dahulu kerana pada masa ini beliau hanya mendapat tahu (mengenai keputusan mahkamah itu) daripada laporan akhbar sahaja.

-- BERNAMA

JM PR